



PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE 113 BIL 39/2023

PEMAKLUMAN TARIKH PENETAPAN PENEMPATAN RESIDEN PELAJAR BAGI SESI AKADEMIK 2023/2024 UNTUK KATEGORI LALUAN KHAS, RAYUAN FASA I, RAYUAN FASA II DAN DIPLOMA AMBILAN JULAI 2023

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

Merujuk kepada Pekeliling Hal Ehwal Pelajar UMP Bilangan 1 Tahun 2021 berkenaan **MEWAJIBKAN** pelajar pra siswazah Universiti Malaysia Pahang pengajian Tahun 1 dan Tahun 2 menginap di Residen Pelajar dan baki kekosongan akan diisi oleh pelajar Tahun 3 dan Tahun 4 termasuk pelajar kategori laluan khas.

Keputusan penetapan asrama bagi Semester I, Sesi Akademik 2023/2024 hanya akan di keluarkan bermula **20 September 2023**.

Pelajar rayuan yang menarik diri setelah berjaya ditawarkan asrama adalah tertakluk kepada Polisi Yuran Asrama Tanpa Pemulangan (*No Refund Policy*) rujuk Bahagian IV: Panduan Dan Peraturan Kewangan Pelajar (Program Prasiswazah UMP). Pemakluman Pentadbiran & Operasi Pengurusan Pelajar Kali ke 102 Bil 28/2023. Bagi pelajar yang tidak ditawarkan Residen Pelajar boleh melayari portal rumah sewa siswa yang telah dibangunkan KPT untuk mencari rumah sewa yang kosong di kawasan berhampiran kampus. Sila layari portal rumah sewa siswa seperti berikut: <https://rumahsiswa.mohe.gov.my>.

Penempatan bilik adalah tertakluk kepada ketetapan pihak pengurusan residen pelajar.

Bagi sebarang pertanyaan boleh hadir secara terus ke pejabat Residen Pelajar atau email kepada residen@ump.edu.my.

Sekian untuk makluman dan tindakan pelajar. Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘Teknologi Untuk Masyarakat’



MOHD RAIZALHILMY B. MOHD RAIS

Pengarah

Pusat Perkhidmatan Pelajar

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh: 06 September 2023